

KRISIS BAWANG

HANYA SEMENTARA

*Fama jangka bekalan pulih Februari depan***Bernama****Bukit Mertajam**

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menjangkakan bekalan bawang merah India yang berkuranng sehingga berlaku kenaikan harga di negara ini pulih menjelang Februari tahun depan.

Pengerusi Fama, Ishak Ismail berkata, krisis kekurangan bekalan bawang India itu berlaku sejak tiga bulan lalu berikutan banjir di negara berkenaan dan pihaknya sudah mengambil beberapa langkah segera sebelum ini dengan mengimport bawang merah dari negara lain seperti China, Pakistan dan Mesir sebanyak 106,395 tan metrik.

"Kita import 60 peratus bekalan bawang merah dari beberapa negara untuk memenuhi keperluan dan permintaan di Malaysia. Daripada jumlah import itu, 70 peratus dari India, tetapi negara terabit melarang sepenuhnya eksport (bawang merah) kerana mereka juga mengalami kekurangan yang teruk akibat banjir," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Bazar Peduli Rakyat di Kampung Pelet yang dirasmikan Pengurus Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Permataang Pasir, Muhammad Faiz Fadzil.

Menurut laporan media,



sebelum ini harga sekilogram bawang merah adalah RM4, namun bahan itu kini dijual pada harga RM12 se-kilogram.

Mengulas lanjut, Ishak berkata, fenomena kenaikan harga bawang merah itu hanya sementara dan beliau mencadangkan pengguna membeli bekalan bahan mentah itu di outlet Fama, pasar tani anjuran Fama, Bazar Peduli Rakyat dan MyBest kerana lebih murah lima hingga 20 peratus.